



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (72)

Tarikh : 12 November 2013

SIARAN MEDIA

MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU BERKONSEPKAN BANDAR SEJAHTERA MASA DEPAN

Kuala Lumpur, 12 November 2013 – Kadar penghijrahan penduduk ke kawasan bandar meningkat setiap tahun, pada tahun 2013 sahaja sebanyak 72 peratus penduduk mendiami kawasan bandar. Situasi demografi bandar sedemikian bermakna kesediaan sesebuah bandar untuk menjadi tempat kediaman yang selesa semakin mendesak.

Pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2013, Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkesempatan merasmikan majlis tersebut. Yang bertemakan “Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan”. Tema Ke arah Bandar Sejahtera Masa Depan membawa maksud keseimbangan di dalam usaha kerajaan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, komuniti sejahtera dan masyarakat penyayang. Pemilihan tema ini adalah berdasarkan:

- Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun, kawasan-kawasan bandar semakin aktif dan menarik dengan tersedianya peluang-peluang pekerjaan, pembangunan hartanah dan perumahan, juga infrastruktur kemudahan sosial dan rekreasi.
- Pembangunan fizikal ini datang dengan isu-isu di kawasan bandar seperti peningkatan penduduk yang mendadak, kesesakan lalulintas, peningkatan penggunaan sumber tenaga dan air, pengurusan sisa pepejal, dan pencemaran kualiti alam sekitar.
- Cabaran-cabaran sosio-ekonomi seperti golongan berpendapatan rendah di dalam bandar, akses kepada rumah mampu milik, kurang liputan pengangkutan awam di kawasan rumah murah, tahap keselamatan masyarakat bandar, dan kekurangan

kemudahan rekreasi sentiasa diberi perhatian di dalam dasar-dasar perancangan

'*Future Cities*' oleh The United Nations Conference on Sustainable Development di Persidangan Rio+20 yang menggariskan halatuju 'The Future We Want' yang memberi fokus kepada keseimbangan aspek-aspek kesaksamaan sosial, ekonomi yang menyokong agenda hijau dan perlindungan alam sekitar. Konsep atau penjenamaan perbandaran masa kini di peringkat antarabangsa seperti *Green Cities*, *Smart Cities*, *Ubiquitous Cities*, *Competitive Cities* dan *Happy Cities* yang mesra masyarakat atau tumpuan kepada masyarakat (people-centric) di mana sesuatu bandar itu diperkukuhkan oleh masyarakat yang sivik dan penyayang di samping perkembangan teknologi yang bersesuaian di dalam proses perkembangan bandar tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di dalam langkah-langkah untuk mencapai visinya iaitu untuk *Mewujudkan Persekitaran Hidup yang Berkualiti dan Mampan bagi Semua Lapisan Masyarakat Malaysia selaras dengan Wawasan Negara*. Sehubungan ini, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM), mendokong Teras Strategik Pertama KPKT 2008-2020 iaitu "*Mewujudkan dan melaksanakan perancangan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mampan di kawasan bandar dan luar bandar bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti*".

Kerangka Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia

Konsep Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia merangkumi proses perancangan pembangunan dengan matlamat mencapai pembangunan mampan secara holistik yang berpaksikan kepada pengintegrasian 3 aspek utama iaitu :

- sistem sosial yang inklusif
- ekonomi yang produktif
- persekitaran bandar hijau

Matlamat mewujudkan sistem sosial yang inklusif termasuklah mewujudkan komuniti yang sihat dan bahagia, masyarakat yang bersatu padu dan berbudaya penyayang dan berinteraksi serta melahirkan masyarakat yang peka kepada keperluan golongan tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU). Tindakan-tindakan fizikal termasuk

meningkatkan penawaran perumahan mampu milik yang selesa, dan mewujudkan bandar yang selamat dari jenayah. Sistem ekonomi yang produktif pula bermatlamat untuk mewujudkan ekonomi yang berdaya tahan, mempertingkatkan keusahawanan dan mampu membanteras kemiskinan bandar. Ia juga boleh disokong dengan langkah-langkah menggalakkan *green economy seperti menyokong* pembangunan berorientasikan transit (Transit-Oriented Development), *pembangunan pelbagai (mixed development)* menggalakkan infrastruktur dan bangunan hijau dan menyokong teknologi inovatif. Bagi mewujudkan persekitaran bandar hijau, ciri-ciri yang perlu bagi sebuah bandar adalah ianya berkarbon rendah, penggunaan tenaga yang cekap dan boleh diperbaharui, penggunaan sumber air yang cekap dan berhemah, pengurusan sisa pepejal yang efisien, sistem pengangkutan awam dan pembangunan kejurangan hijau yang memberi fokus kepada kemudahan untuk laluan pejalan kaki dan basikal serta mempromosi amalan gaya hidup hijau di kalangan masyarakat.

Bandar masa hadapan akan menjadi *centre of innovation* dan perlu memberi penekanan kepada penggunaan teknologi yang bersesuaian (appropriate use of technology) dan dalam masa yang sama mengelak pembaziran di dalam mengejar teknologi. Sehubungan ini konsep integrasi teknologi didalam 'ubiquitous cities' dan 'smart cities' adalah wajar di dalam menggalakkan inovasi pintar. Selain daripada itu, bandar sejahtera masa depan dan masyarakatnya perlu mempunyai daya tahan terhadap risiko bencana seperti banjir, tsunami, tanah runtuh dan sebagainya. Bandar masa depan perlu memenuhi aspirasi melahirkan 'bandar yang sejahtera untuk manusia' (*human-centred cities*) dalam menangani proses dan cabaran-cabaran pembangunan bandar yang semakin rumit. Justeru, kerangka konsep dan ciri-ciri bandar sejahtera masa depan (Rujuk Rajah) ini hendaklah diterjemahkan dalam mencipta dan mereka bentuk model yang sesuai untuk Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia.

Elemen kejayaan Bandar Sejahtera Masa Depan

Berdasarkan kepada kejayaan di negara-negara yang telah melaksanakannya, kejayaan bandar sejahtera masa depan amatlah bergantung kepada penglibatan pelbagai pihak. Ia memerlukan pendekatan perkongsian pintar serta *interdisciplinary* dengan penggabungan pelbagai kepakaran serta kemahiran. Mekanisme pelaksanaan bandar

sejahtera masa depan umumnya melibatkan sekurang-kurangnya tiga pihak iaitu kerajaan yang berperanan untuk merangka, membentuk program dan menyediakan peruntukkan pembangunan, *promotional organisation* di bawah agensi kerajaan yang berperanan untuk mempromosikan program atau produk dan agensi-agensi pelaksana. Selain daripada pihak-pihak berkenaan, komitmen serta minat komuniti di dalam membentuk bandar sejahtera merupakan faktor kejayaan di mana ini perlu dipupuk melalui penglibatan aktif komuniti dalam program-program menjurus kepada objektif kesejahteraan masyarakat. Ini termasuk penyertaan di dalam program Publisiti atau Penyertaan Awam Rancangan Pemajuan, dan lain-lain program meningkatkan kesejahteraan komuniti di mana platform Agenda 21 boleh dimanfaatkan.

Di dalam menangani cabaran perbandaran secara holistik satu sistem integrasi perlulah wujud di mana penjana ekonomi bandar yang produktif dan berdaya tahan diserasikan dengan sistem sosial masyarakat yang bersatu, penyayang dan berinteraksi serta disokong oleh pembudayaan amalan hidup hijau dalam menghadapi cabaran perubahan iklim melalui penggunaan sumber tenaga, air dan pengurusan sisa pepejal secara cekap dan berkesan.

Sambutan HPBS pada tahun ini dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pegawai Perancang dan Desa (PERSADA) serta Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia (KESPERB). Selain itu, acara sambutan HPBS ini juga turut mendapat kerjasama daripada Delegasi EU Malaysia, dan *Malaysian Institute of Planners* (MIP).

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan